

18 ketua negara sah sertai LID-Global 2002

KUALA LUMPUR, Isnin – Seramai 18 ketua negara daripada 27 yang dijemput mengesahkan kehadiran pada Dialog Antarabangsa Langkawi-Global 2002 (LID-Global 2002) bermula Khamis ini.

Antara mereka ialah Naib Presiden Botswana, Seretsa Lan Khama; Presiden Ghana, John Kufour; Presiden Kyrgyz, Askar Akaev; Perdana Menteri Mozambique, Pascoal Manuel; Presiden Namibia, Dr Sam Nujoma; Presiden Rwanda, Paul Kagame; Raja Swaziland, King Mswati III; Presiden Uganda, Yoweri Kaguta Museveni dan Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe.

Dialog empat hari itu dijangka disertai 450 peserta dari 36 negara Komanwel dan negara lain, iaitu penyertaan paling ramai berbanding 350 pada dialog dua tahun lalu.

Penceramah dan ahli korporat negara yang mengesahkan penyertaan ialah Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz; Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie; Ketua Eksekutif Telekom Malaysia Berhad, Datuk Dr Md Khir Abdul Rahman; Pengerusi Eksekutif Utusan Malaysia Berhad, Tan Sri Kamarul Ariffin dan Pengerusi Institut Kajian Strategik (ISIS), Tan Sri Dr Noordin Sopiee.

Pengerusi dan Ketua Eksekutif

KUB Malaysia, Datuk Hassan Harun; Pengarah Kanan Kumpulan Kewangan dan Penasihat Korporat DRB-Hicom, Datuk Maznah Abdul Jalil; wakil Universiti Sains Malaysia, Datuk Dr Rashidah Shuib, Pengerusi Bersama (Industri) Might dan Pengerusi Gas Malaysia Sdn Bhd, Tan Sri Dr Ahmad Tajudin Ali.

Penasihat Sains Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr Ahmad Zaharudin Idrus; Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Datuk Ali Kadir dan Pengerusi Eksekutif Bursa Saham Kuala Lumpur, Datuk Mohammed Azlan Hashim.

LID-Global 2002 bertemakan 'Ke arah Dunia Lebih Pintar-Mempertingkatkan Keselamatan dan Kemakmuran Bagi Pembangunan Melalui Perkongsian Pintar' akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dialog anjuran bersama Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might) dan Perkongsian Komanwel Bagi Pengurusan Teknologi (CPTM) akan diadakan di Pelangi Beach Resort, Langkawi dari 1 Ogos hingga 4 Ogos ini.

Berita Harian menjadi akhbar Melayu rasmi LID-Global 2002, The New Straits Times (akhbar Inggeris), Radio Televisyen Malaysia (penyiar rasmi) dan Pertubuhan Berita Nasional (agensi berita rasmi).